

Si pintar gemar kartun

» **Bapa dedah rahsia kejayaan Azree Shahrel**

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

Bergelar rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai fello penyelidik bidang Matematik Gunaan di Universiti Cambridge, United Kingdom (UK), menjulang nama tutor Jabatan Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM), Azree Shahrel Ahmad Nazri dalam sekelip mata.

Sementalah itu, ramai mula tertanya-tanya siapakah insan genius ini sehingga pautan berita mengenainya disiarkan meluas menerusi blog dan enjin carian Google sebagai antara individu paling dicari.

Terserlah dengan bakat pencapaian mengagumkan ketika menjalani sesi pengajian doktor falsafah (PHD) sehingga ditarikhkan jawatan fello di kolej terkaya, Trinity College mengangkat taraf anak kelahiran Terengganu ini ke satu peringkat infiniti.

Baru-baru ini, INSPIRASI berkesempatan mendekati keluarga anak muda berusia 32 tahun ini dalam satu temu bual eksklusif. Ikuti temu bual wartawan BH bersama ayah beliau, Ahmad Nazri

Ahmad dan ibunya, Junaidah Embong Ibrahim.

Bukan pelajar pintar


“Dia (Azree) bermula agak lambat. Mengapa saya kata macam tu? Kerana Azree bukanlah anak pandai yang menunjukkan prestasi hebat sejak bangku persekolahan, sebaliknya dia merangkak dari satu peringkat ke peringkat lain sebelum mencapai kejayaan besar seperti hari ini.

“Tapi diakui dia mula membaca sejak usia lima tahun malah gemar membaca waima di dalam tandas sekali pun. Selain digelar ulat buku hobinya menonton rancangan kartun. Uniknya dia, apabila penat mengulang kaji pelajaran, dia ‘berhat’ dengan menonton kartun.

“Saya agak minat menonton kartun mencetuskan sikap humor dan positif dalam dirinya. Malah, sikapnya yang satu itu diperturunkan kepada anak sulungnya,” kata pesara tentera itu berseloroh mulakan bicara.

Bercerita mengenai karakter anak ketiganya itu, Nazri bersyukur dianugerahkan Ilahi anak bijaksana malah, turut merasa tempias kejayaan anaknya itu.

Katanya, masakan tidak jika diulang kembali kehidupan ketika waktu kecil, keempat-empat anak



Bersama komuniti Malaysia menyambut Syawal di London.

lelakinya amat nakal biarpun diasuh dengan cara ketenteraan iaitu tegas dan berdisiplin dalam menjalani kehidupan seharian.

Anak sulung pasangan Ahmad Nazri dan Junaidah, Shamzuri Junaidi kini berusia 35 tahun, diikuti Nazrul Juraimi (33), Azree Shahrel (32) dan Razuan (31) masing-masing kini berjaya dalam hidup serta sudah mendirikan rumah tangga kecuali anak keempatnya.

Azree disifatkan sebagai anak paling nakal namun cerdik. Potensinya sebagai pemimpin terserlah apabila dia sering kali menjadi perancang dalam sesuatu hal, bertindak sebagai 'guru' kepada abang dan adiknya sewaktu belajar dan sentiasa bergerak aktif.

Cekap buat kerja sekolah

"Dia cekap membuat kerja sekolah dan selalunya, dia akan siapkan kerja sekolah kemudian bersahaja mengacau adik beradik lain.

"Saya berterima kasih kepada insan penting dalam kehidupan Azree iaitu Prof Madya Dr Mustafa Mamat (Universiti Malaysia Terengganu), Prof Yazid Mohd Saman (Universiti Malaysia Terengganu) dan Profesor Abdul Azim Abdul Ghani (Universiti Putra Malaysia) kerana banyak membantu kejayaan beliau hari ini," katanya.

Ceritanya lagi, antara peristiwa paling pahit untuk dikenang apabila dia bertindak agresif memarahi Azree selepas mendengar desus-desus daripada jiran tetangga bahawa tugas felo adalah sama seperti warden asrama.

Lantas, dia terus menghubungi Azree di United Kingdom bagi mengesahkan hal berkenaan. Setelah diberi penerangan lanjut, bapa berusia 57 tahun ini ketawa dengan kejadian dan kekalutannya itu.


Azree sentiasa bijak
membina jaringan komunikasi bersama rakan sekuliah.



Biarpun nakal, Azree kekal cerdik dan berjaya.



Berjaya bersama mentor, idola dan saintis terkenal, Prof Stephen Hawking.





Cekal di negara orang

Adat berkelana di negara orang harus mengikut resam padi, makin tunduk makin berisi. Begitulah pegangan pelajar genius, Azree Shahrel Ahmad Nazri mengharungi kehidupan sebagai pelajar sekali gus memacu tanggungjawab sebagai ketua keluarga di UK.

Tatkala berhubung dengan penulis melalui e-mel baru-baru ini, Azree menyifatkan pengalamannya di luar negara banyak mengajar beliau erti kehidupan dan cara bersosial secara aktif.

Meskipun bangga menempatkan diri dalam kelompok terbilang, jauh di sudut hati bapa kepada dua anak, Muhammad Azim Hakimi, enam tahun dan Nur Aleesha Shakira (6 bulan) itu merindui kampung halaman.

“Banyak perlu diharungi di negara orang. Saya paling rindukan ibu dan ayah di kampung kerana atas jasa mereka saya mampu bermegah dengan pengiktirafan

yang menjulang nama Malaysia ke serata dunia.

“Perasaan apabila dianugerahkan pengiktirafan sebegini sukar dijelaskan dengan kata-kata. Walaupun masih terkejut dan terharu, saya akui gementar memikirkan beban yang terpaksa digalias selepas ini. Cabarannya sama seperti mula-mula melangkah masuk darjah satu.. kena bersaing dan kompetitif memastikan kecerlangan, kelak,” katanya.

Sekalung penghargaan

Membingkisan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih terhadap insan tersayang iaitu Junaidah Embong Ibrahim (ibu), Ahmad Nazri Ahmad (ayah) dan Azwanis Abdosamad (isteri), Azree menjelaskan tidak banyak kejayaan diraih sebelum ini kerana sibuk dengan tanggungjawab sebagai penuntut.

Terkini, rezekinya dalam bidang kurikulum menyি

nar di Universiti Cambridge, UK apabila dilantik sebagai ahli jawatankuasa antarabangsa peringkat kolej dan universiti.

Dikelaskan sebagai individu berpandangan jauh dan berpendidikan, bapa kepada dua anak ini mahu menyumbangkan kembali kemahirannya kepada anak yatim menerusi aktiviti ‘social mobility’.

“Saya mungkin tidak dapat membantu daripada aspek kewangan namun, mempunyai kemahiran pendidikan untuk membantu mereka. Anak yatim memerlukan penjaga yang dapat membimbing mereka membuat pilihan sesuai dalam menentukan masa depan masing-masing.

“Seperti ibu bapa yang sentiasa membuat perancangan untuk pendidikan anak mereka, begitu juga harapan dan bantuan yang mahu diagihkan terhadap anak yatim piatu di negara kita,” katanya.

Menarik tentang Azree Shahrel

- ◎ **Memasang impian memasuki** satu daripada empat universiti terkemuka di dunia iaitu Yale, Cambridge, Oxford dan Harvard.
- ◎ **Mendapat dua tawaran** untuk melanjutkan PhD iaitu di MIT dan Universiti

Cambridge. Memilih Cambridge kerana sejarah pendidikannya yang dianggap tertua dan berprestij.

◎ **Diterima memasuki Universiti Cambridge** pada 2008.

◎ **Kata hikmat, Saya Boleh!** dan sentiasa menghormati sesama manusia dan melihat

kelemahan sendiri.

◎ **Pernah ditawar melanjutkan** pengajian peringkat pasca kedoktoran (pasdoc) di Universiti Harvard selama dua tahun

◎ **Selepas graduasi, menyedari** diri sendiri lemah dalam matematik dan membuat ulang kaji sendiri selama beberapa tahun dengan

membaca semula serta mem-

buat latihan kesemua subjek matematik dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 6

◎ **Kebijaksanaan jaringan komunikasi** dengan rakan dari negara Asia seperti Singapura dan China membantu Azree mengisi kekosongan kuota kemasukan ke Universiti Cambridge.

SAYA AGAK MINAT MENONTON KARTUN MENCETUSKAN SIKAP HUMOR DAN POSITIF DALAM DIRINYA”

Ahmad Nazri Ahmad, Bapa